



SYARAT PERMOHONAN INSENTIF PENGURANGAN KADAR BAYARAN BALIK PINJAMAN PELAJARAN MARA

Peminjam boleh memohon insentif pengurangan kadar bayaran balik pinjaman MARA melalui sistem eBaki; <https://econversion.mara.gov.my/> - Permohonan pengurangan secara atas talian (*Online*).

1. Syarat-syarat asas permohonan adalah seperti di bawah:-
 - (i) Tamat dan lulus pengajian.
 - (ii) Tawaran pinjaman adalah di bawah Skim Pinjaman Pelajaran MARA.
 - (iii) Mendapat kebenaran rasmi dari Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA bagi pertukaran kursus/program atau tempat pengajian.
 - (iv) Tertakluk kepada peminjam yang tidak menerima pinjaman pelajaran dari pihak penganjur yang lain.
2. Dokumen yang diperlukan untuk membuat permohonan adalah seperti berikut:-
 - (i) Salinan Sijil/Diploma/Ijazah Sarjana Muda/Ijazah Sarjana/Ijazah Doktor Falsafah (yang telah disahkan benar oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun Kumpulan A dan Penghulu/Sidang/Jaksa Pendamai(JP)/Wakil Rakyat/Pegawai Dalam Perkhidmatan Perundangan & Kehakiman seperti Majistret/Pegum).
 - (ii) Salinan Transkrip rasmi penuh (yang telah disahkan benar oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun Kumpulan A dan Penghulu/Sidang/Jaksa Pendamai(JP)/Wakil Rakyat/Pegawai Dalam Perkhidmatan Perundangan & Kehakiman seperti Majistret/Pegum).
 - (iii) Setiap pengesahan pada dokumen di para (i) dan (ii) oleh pihak pengesah hendaklah mempunyai Nama, Jawatan dan Jabatan.
3. Bayaran balik yang telah dibuat sebelum permohonan pengurangan diluluskan, tidak akan dikembalikan.
4. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
5. Kelulusan rasmi permohonan pengurangan boleh disemak melalui sistem e-baki di <https://apps.mara.gov.my/ebakiv2>.
6. Pertanyaan lanjut berhubung insentif ini boleh dikemukakan melalui e-mel di infobkk@mara.gov.my atau hubungi 03-40108800/8801/8802 atau hadir ke Kaunter Bahagian Kawalan Kredit, Tingkat 9, Ibu Pejabat MARA, Medan MARA Kuala Lumpur. Waktu operasi adalah Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) bermula 8.30 pagi hingga 5.00 petang (waktu rehat adalah bermula 1.00 hingga 2.00 petang kecuali Jumaat bermula 12.15 hingga 2.45 petang).